

26 graduan  
Muslim  
terbaik  
terima  
anugerah

Oleh Norzilawati Abdul Halim

SERAMAI 26 graduan Muslim terbaik institusi pengajian tinggi awam dan swasta menerima Anugerah Siswazah Muslim Cemerlang Akademi Sains Islam Malaysia (Asasi) 2003, di sebuah hotel terkemuka di Bangi, Selangor, semalam.

Mereka adalah graduan Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Kelas Satu) yang terpilih di kalangan 100 graduan Mus-

yang terpilih di kalaangan 100 graduan Muslim yang dicalonkan, sekali gus menerima anugerah wang tunai RM1,000 sumbangan Bank Rakyat, sijil penghargaan dan ahli Asasi.

Daripada jumlah itu, Universiti Multimedia mendahului senarai teramai iaitu sembilan graduan, Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Malaya masing-masing tiga, Universiti Tenaga Nasional, Universiti Ke-

bangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Mara (masing-masing dua) dan setiap seorang mewakili Universiti Putra Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.

Anugerah disampaikan Pengurus Besar Bank Rakyat, Datuk Alim Ariffin yang diwakili Pengurus Besar Kewangan dan Pelaburan, Bank Rakyat, Kamaruzaman Che Mat. Hadir sama, Presiden Asasi, Prof Shaharir Mohamad Zain.

Dalam ucapannya, Shaharir berkata prestasi pencapaian graduan Muslim yang ce-

merlang tahun ini dalam bidang sains dan teknologi meningkat berbanding hanya lapan penerima tahun lalu.

Katanya, peningkatan ini menunjukkan kesedaran dan kesungguhan graduan Muslim bersaing terutama pada era globalisasi.

"Semangat inilah yang perlu ditonjolkan

oleh graduan Muslim kerana penguasaan mereka dalam bidang sains dan teknologi terhad

"Penganugerahan itu secara langsung dapat memberi dorongan kepada mahasiswa lain untuk terus berusaha mencapai tahap yang membanggakan," katanya.

Graduan Jiazah Sarjana Muda Elektrik dan

Graudan Ijazah Sarjana Muda Elektrik dan Elektrikal, Uniten, Nurul Izzah Anwar, ketika ditemui berkata kejayaan ini adalah hadiah buat ayahnya. Anwar Ibrahim yang banyak

"Walaupun menghadapi tekanan, saya

"Ditambah pula, keputusan mahkamah sentiasa ingat nasihat ayah dan ibu yang meminta supaya menumpukan perhatian pada pelajaran dan seterusnya mencapai kecemerlangan seperti yang saya terima hari ini.

yang membebaskan pertuduhan terhadap ayah adalah berita gembira buat kami sekeluarga dan ini adalah permulaan yang baik bagi sistem kehakiman kita yang mengutamakan keadilan," katanya.

Graduan UiTM, Mohd Sholihin Ali, ber-

kata penganugerahan ini bagi membuktikan bidang sains dan teknologi boleh dikuasai jika mengikut pengurusan pembelajaran yang betul.

Beliau yang juga graduan Ijazah Sarjana

Muda Kejuruteraan Elektrik, berkata ada yang menganggap bidang berkenaan sukar terutama di kalangan mahasiswa Melayu, tetapi hakikatnya mereka mampu bersaing dengan pelajar bukan Melayu.